

## ASAS-ASAS NILAI MURNI MENURUT ISLAM

### PENGENALAN

Secara konseptualnya, nilai-nilai murni dalam teori perundangan Islam adalah sebahagian daripada komponen asas untuk membentuk insan yang beriman dan berakhlak mulia dari aspek zahiriah dan batiniah. Nilai-nilai tersebut menjadi penggerak, pendorong dan pemangkin kepada seluruh perlakuan dan tingkah laku manusia yang memantulkan tindakan yang bersifat *mahmudah* seperti amanah, sabar, toleransi, suci hati, ikhlas, bertanggungjawab, berfikiran positif dan sebagainya. Konsep ini berbeza dengan sistem nilai yang ditaja oleh Barat. Pandangan semesta Islam tentang prinsip nilai dipengaruhi secara dominan oleh unsur akhlak Islamiah yang unggul. Situasi ini tidak berlaku dalam dikotomi falsafah nilai Barat yang kelihatan jelas memisahkan unsur estetika dengan domain nilai-nilai moral dan kepercayaan agama, sebaliknya memberi keutamaan kepada proses pembuatan yang memberi kepuasan, kenyataan estetika dan nilai-nilai filosofi yang merangkumi ungkapan ekspresi dan gubahan fungsional.<sup>73</sup>

<sup>73</sup> Utusan Malaysia, *Estetika dan Kebebasan Seni Dalam Twist*. Sastera. Lihat [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0707&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0707&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_02.htm). Capaian 10.7.2007.

Dalam sistem nilai Islam, ia mengandungi prinsip-prinsip yang menjadi teras kepada sistem falsafahnya. Prinsip-prinsip tersebut menjadi adunan bagi memantap dan memperkasakan konsep nilai-nilai murni untuk dihayati oleh manusia bagi menyusun dan mengatur kehidupan yang selari dengan konsep *khalifah al-ard*. Garapan kandungan prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

## TAUHID

Umumnya, pandangan semesta tauhid merangkumi tiga komponen asas yang menjadi teras kepada keluhuran konsep kepercayaan tersebut. Komponen tersebut terdiri daripada iman yang *haq*, ilmu dan amal. Kombinasi komponen ini membentuk asas yang konkrit dalam memahami dan menghayati tuntutan order tauhid. Penekanan aliran tauhid ini adalah dengan memperakui secara mutlak bahawa Allah SWT adalah tuhan sekalian makhluk. Berasaskan kepada kefahaman ini, menunjukkan bahawa seluruh kehidupan insan yang meliputi pemikiran dan perbuatan manusia perlu tunduk kepada kekuasaan Allah SWT. Manusia hanyalah sebahagian daripada juzuk kecil alam ini,<sup>74</sup> namun penciptaannya mendapat posisi yang istimewa di sisi Allah iaitu sebagai *khalifah al-ard*.<sup>75</sup> Atas ketentuan inilah manusia dipertanggungjawabkan memakmurkan alam ini dengan mematuhi tuntutan syarak dengan mengaplikasikan nilai-nilai murni yang terpuji dalam kerangka kehidupan manusia.

Al-Maududi mengemukakan pandangan bahawa mengiktiraf hakikat iman adalah kemuncak yang perlu dijadikan objektif utama manusia. Beliau menjelaskan bahawa:

<sup>74</sup> Pengertian ini dirakamkan dalam Al-Quran dalam surah al-An'am:1;73, surah Yunus: 3 dan surah al-'Alaq: 1,2.

<sup>75</sup> Ia dapat dilihat dalam Al-Quran dalam surah al-Baqarah : 30